



Semaian Budi 3.0 inisiatif sulung Kelab In-Smartive di Arau

Berita dan foto oleh: WAN NAZRUL HELMY WAN MOHD ZAIN

Cuti pertengahan semester kali ini meninggalkan kenangan lebih bermakna di kalangan 37 mahasiswa Universiti Malaysia Pahang (UMP) yang menyertai Projek Semaian Budi 3.0 anjuran Kelab In-Smartive UMP yang diadakan di Sekolah Kebangsaan (SK) Guar Nangka dan Pusat Koreksional Arau, Perlis pada 8 April 2013 yang lalu.

Projek yang mendapat kerjasama Kerajaan Negeri Perlis, Jabatan Pelajaran Negeri (JPN) Perlis, Jabatan Penjara Malaysia dan Persatuan Isteri, Anak dan Anggota Perempuan Jabatan Penjara Malaysia (PERSIAP) ini merupakan inisiatif sulung Kelab In-Smartive UMP di negeri tersebut.

Menurut Pengurus Projek, Amanina Farhana Ahmad, 21 yang juga mahasiswa Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM) UMP, projek Semaian Budi 3.0 ini memberi tumpuan kepada dua sasaran penerima manfaat iaitu para pelajar tahun 5 dan 6 di SK Guar Nangka yang berlangsung pada 5 dan 6 April 2013 dan diikuti permukiman di Pusat Koreksional Perlis

bersama warga PERSIAP pada 6 hingga 8 April 2013.

“Pelbagai aktiviti interaktif mengisi atur cara projek di SK Guar Nangka yang merupakan antara sekolah rendah paling cemerlang di Perlis. Ini termasuklah sesi Tak Kenal Maka Tak Cinta, *The Burj*, *Timeline*, *Story Behind The Paper*, *Jendela Jauhari*, *Muhasabah Diri*, *Invent!*, *Radio Buruk* dan *Last Man Standing*,” katanya.

Lebih menarik, para peserta berpeluang merasai pengalaman menikmati hidangan dalam talam bersama-sama dengan guru dan fasilitator. Selain itu, para peserta juga turut berpeluang mendengar ceramah khas bertajuk ‘Di Sebalik Tirai Besi’ yang disampaikan oleh Inspektor Mohd Izham Fadil dari Pusat Koreksional Perlis.

Mengakhiri pengisian Projek Semaian Budi 3.0, mahasiswa UMP berpeluang menerima pendedahan mengenai latar belakang, fungsi dan peranan Pusat Koreksional Perlis dan turut menyantuni warga PERSIAP di sana melalui

pelbagai aktiviti termasuklah sukaneka, kenduri kampung dan gotong-royong.

Pengerusi PERSIAP Pusat Koreksional Perlis, Siti Musliha Harun mengalu-alukan komitmen UMP dalam penganjuran projek ini dan berharap supaya ianya diteruskan pada masa akan datang.

Galakan sama turut diberikan oleh Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Perlis, Mansor Jusoh semasa merasmikan penutupan projek ini. “Banyak lagi peluang kerjasama dalam pembangunan komuniti yang boleh diteroka pihak UMP dan Kerajaan Negeri Perlis sentiasa memberikan sokongan penuh terhadap inisiatif ini,” kata beliau dalam teks ucapannya yang dibacakan oleh Ketua Unit Perhubungan & Pendaftaran JPN Perlis, Yusuff Man.

Turut hadir ialah Guru Besar SK Guar Nangka, Noorizah Shuid, Ketua Penyelidik Naib Canselor merangkap Penasihat Kelab In-Smartive UMP, Wan Nazrul Helmy Wan Mohd Zain dan Presiden Kelab In-Smartive, Mohd Jamil Mohd Ja’afar.

